

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 27 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 20**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1522-L09689  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian seterusnya selepas Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berakhir tidak berapa lama lagi.
  
2. PN-1522-L09707  
**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mendorong lebih ramai pengguna laluan MRT Putrajaya yang telah menelan kos pembangunan sebanyak RM30.53 bilion untuk menggunakan perkhidmatan tersebut memandangkan kini ia masih belum berjaya mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan Putrajaya terutamanya waktu kemuncak ketika hari bekerja.
  
3. PN-1522-L09616  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab penarikan status bebas cukai sepenuhnya di W.P Labuan. Melihat kepada berkurangnya jumlah barang-barang bebas cukai di W.P Labuan sekarang dapatkah sekiranya pihak Kerajaan mempertimbangkan pengembalian status bebas cukai sepenuhnya kepada W.P Labuan.

4. PN-1522-L09116  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang perancangan baru untuk menambah baik sistem pelupusan sisa pepejal di Malaysia.
5. PN-1522-L09516  
**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini pelaksanaan Memorandum Kerjasama Transformasi Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bersama syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat swasta serta apakah cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti setakat ini terutamanya dari aspek kebolehan syarikat-syarikat terbabit untuk melaksanakan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).
6. PN-1522-L09211  
**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
  - (a) statistik keganasan rumah tangga yang dilaporkan di peringkat Klinik Kesihatan; dan
  - (b) langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan tenaga kerja dalam bidang kesihatan mental khususnya dalam sektor kesihatan primer.
7. PN-1522-L09603  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini perkembangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) berbanding jadual asal projek tersebut.
8. PN-1522-L09628  
**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah terdapat sebarang cadangan dari Kerajaan untuk acara Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) diadakan di luar Langkawi memandangkan permintaan tinggi dari rakyat di luar Langkawi selain mampu menarik lebih ramai pengunjung untuk hadir ke acara ini serta mengukuhkan lagi jenamanya.
9. PN-1522-L09708  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini berkenaan pembinaan jalan raya antara Kenyir ke Felda Aring, Kelantan.

10. PN-1522-L09092

**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan kes yang telah direkodkan sepanjang tahun 2020 hingga 2022 mengenai masalah kes buang bayi mengikut pecahan negeri dan apakah rancangan pihak Kementerian untuk mengatasi isu pergaulan bebas sehingga melahirkan anak tidak sah taraf.

11. PN-1522-L09173

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani isu berkaitan dengan penyeludupan manusia dan pemerdagangan manusia dan adakah perbatasan dan sempadan sentiasa diawasi serta wujudkah kerjasama antarabangsa untuk mengatasi masalah ini.

12. PN-1522-L09035

**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan pengecualian cukai untuk penghantaran anak ke TASKA atau TADIKA dari RM3,000 ke RM5,000 berikutan kadar bayaran bulanan semasa TASKA atau TADIKA telah pun meningkat sekitar RM450 sehingga RM600 sebulan yang akan meringankan beban cukai ibu bapa yang telah menghantar anak mereka ke TASKA atau TADIKA.

13. PN-1522-L09588

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian bagi membantu belia-belia terutama lepasan ijazah mendapatkan pekerjaan setaraf kelulusan akademik dan kemahiran mereka; dan
- (b) apakah pencapaian atau kejayaan yang telah dicapai melalui program yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan yang bertanggungjawab.

14. PN-1522-L09403

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pencerobohan atau kehadiran kapal-kapal asing di Lapangan Gas Kasawari yang berada di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara di Laut China Selatan.

15. PN-1522-L09455  
**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis masa terkini untuk pembentangan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi memberikan wanita warganegara hak sama seperti lelaki, yakni untuk memberikan kewarganegaraan automatik kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara kepada pasangan yang bukan warganegara berikutan komitmen Kerajaan di media berkaitan perkara tersebut.
  
16. PN-1522-L09745  
**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Dungun akan mula dibuka.
  
17. PN-1522-L09567  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah fokus utama aktiviti Kempen Tahun Melawat Malaysia 2025 dan apakah usaha Kementerian dalam penyediaan prasarana bagi menampung ketibaan pelancong.
  
18. PN-1522-L09449  
**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat rancangan dari pihak Kerajaan untuk memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkemungkinan dalam kadar 1-2% dan wang yang telah diterima ini digunakan untuk membantu rakyat B40 atau pun mengisi semula akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) golongan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19 sebelum ini.
  
19. PN-1522-L09343  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam membasmi kegiatan skim pelaburan yang berdaftar tetapi menjalankan penipuan (scam) terhadap pelbagai lapisan masyarakat di negara kita serta diminta Kementerian untuk menyenaraikan syarikat yang dikenalpasti mencurigakan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
  
20. PN-1522-L09124  
**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif terbaharu yang akan diperkenalkan oleh Kementerian dalam meningkatkan hasil pertanian padi negara susulan lawatan YB Menteri ke Indonesia pada Mac yang lalu yang meninjau kejayaan Indonesia menghasilkan hasil pertanian padi yang mencukupi untuk seluruh 276 juta rakyat mereka.

21. PN-1522-L09422

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) tindakan Kementerian dalam mengawal harga tiket penerbangan ke/dari Sabah dan Sarawak agar ia berpatutan dan tidak membebankan rakyat; dan
- (b) tindakan Kementerian dalam menetapkan harga tiket penerbangan ke/dari Sabah dan Sarawak bagi pelajar di Institut Pengajian Tinggi.

22. PN-1522-L09098

**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah yang menjadi teras strategik utama dalam usaha untuk mewujudkan zon pelaburan pelancongan yang inklusif dan menggiatkan digitalisasi pelancongan yang disesuaikan dengan gagasan Malaysia Madani.

23. PN-1522-L09654

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah pelan perancangan Kementerian untuk melaksanakan sesi libat urus bersama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan pelbagai pihak berkepentingan lain untuk mengkaji semula syarat penyertaan program Malaysia MySecond Home (MM2H); dan
- (b) apakah garis masa Kementerian untuk mengumumkan syarat penyertaan MM2H yang baharu.

24. PN-1522-L09194

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah dan perancangan Kerajaan bagi menangani masalah bekalan sumber air mentah yang kian merosot akibat fenomena El Nino.

25. PN-1522-L09273

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah persediaan terperinci Kementerian terhadap kemunculan teknologi baru yang berimpak tinggi seperti kecerdasan buatan generatif contohnya 'Chat GPT' dan 'Bard' terutamanya yang menyentuh perancangan latihan kemahiran yang baru agar sumber manusia negara tidak ketinggalan di dalam arus perubahan yang pesat.

26. PN-1522-L09619  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek, sederhana, panjang untuk negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk menarik pelabur asing melabur di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
27. PN-1522-L09573  
**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status projek kapal tempur pesisir (LCS) dan sejauh manakah siasatan terhadap kontroversi pembelian kapal tersebut.
28. PN-1522-L09522  
**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan peruntukan rumah ibadah bukan Islam yang telah diterima dan berapakah jumlah yang telah diluluskan setakat ini mengikut kategori rumah ibadah.
29. PN-1522-L09610  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah segera Kerajaan dalam menangani prestasi mata wang Ringgit yang semakin merudum berbanding negara jiran.
30. PN-1522-L09146  
**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah usahawan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) dari wilayah Sabah yang telah berjaya mendapatkan bantuan sokongan keusahawanan menerusi Program Perniagaan Eksport (Business Exports Program) dan bagaimanakah program tersebut berupaya mengetengahkan produk-produk keluaran PMKS yang sering berdepan dengan kekangan dalam aspek produktiviti.

31. PN-1522-L09487  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana industri agrikomoditi menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara dan adakah Kementerian akan menambah baik dasar sedia ada seperti Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030).
32. PN-1522-L09068  
**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memperketatkan lagi larangan penjualan petrol RON95 dan diesel bersubsidi kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing di seluruh negara.
33. PN-1522-L09430  
**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang terperinci oleh Kerajaan untuk memastikan bekalan daging, khususnya daging lembu mencukupi untuk keperluan tempatan setelah negara mengimport hampir 70 peratus keperluan tempatan dari luar negara pada tahun lepas dan apakah rancangan jangka panjang untuk mengurangkan kebergantungan kepada daging import sehingga pengeluaran tempatan mencukupi.
34. PN-1522-L09635  
**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kadar peratusan penyerapan doktor kontrak ke status tetap bagi setiap tahun dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bilangan doktor di Hospital Awam dan Klinik Kesihatan Awam mencukupi agar kebajikan rakyat dijaga.
35. PN-1522-L09227  
**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kaedah yang digunakan untuk menilai pencapaian objektif agensi-agensi di bawah Kementerian terutamanya HRD Corp, TalentCorp dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
36. PN-1522-L09435  
**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat sebarang tindakan disiplin yang telah dilakukan terhadap mana-mana kakitangan Kementerian berkenaan penerimaan 'ventilator' yang tidak berfungsi dari Pharmaniaga sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil dan berapakah jumlah kakitangan yang terbabit.

37. PN-1522-L09805  
**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah punca utama timbulnya masalah kekosongan sekurang-kurangnya 500 buah menara telekomunikasi di Sarawak di bawah projek SMART. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi menangani masalah kekosongan ini.
38. PN-1522-L09258  
**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mempunyai kelulusan Sarjana dalam bidang pentadbiran hospital yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan juga dibayar Elaun Pentadbiran Hospital namun tidak memegang jawatan Pengarah Hospital.
39. PN-1522-L09246  
**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pihak Kerajaan Persekutuan sentiasa membantu Kerajaan-kerajaan negeri dalam memperkembangkan industri pelancongan di daerah-daerah luar bandar dan apakah jenis bantuan yang diberikan dalam kategori pelancongan, seni dan kebudayaan.
40. PN-1522-L09218  
**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk membantu petani-petani kecil khususnya di kawasan luar bandar dalam usaha untuk mengurangkan kadar inflasi makanan dan mengurangkan kebergantungan negara terhadap makanan import .
41. PN-1522-L09741  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah inisiatif Skim Simen Rahmah dapat memberi manfaat kepada kontraktor bumiputera terutama Kelas G1 (dahulunya Kelas F) yang terus terbeban dengan kenaikan harga bahan simen.

42. PN-1522-L09709

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan pendedahan Sustainable Development Goals (SDG) dalam kalangan pelajar memandangkan ia boleh memberi impak positif kepada cara pemikiran yang holistik dan berfikiran global yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran (skill) abad ke-21 yang amat diperlukan oleh para graduan.

43. PN-1522-L09494

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah jumlah menara komunikasi yang sedang dan akan dibina di perkampungan Orang Asli.

44. PN-1522-L09128

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi kenaikan harga daging lembu segar akibat kenaikan harga dedak yang terus meningkat beberapa kali sejak tahun lalu.

45. PN-1522-L09110

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status berkenaan isu penarikan balik mi segera setelah Pihak Berkuasa Taiwan mengenal pasti pencemaran 'ethylene oxide' dalam produk mi keluaran negara iaitu Mi Kari Putih Penang Ah Lai dari Malaysia dan mi segera jenama Indomie Perisa Ayam Spesial serta mengapakah pihak berkuasa tidak menapis perkara tersebut sebelum ini.

46. PN-1522-L09017

**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk membantu masyarakat pribumi Siam selaras dengan laungan 'anak Siam adalah anak saya...' dalam ucapan di perkampungan masyarakat Siam semasa PRU-15 dan adakah tindakan itu termasuk melayakkan masyarakat pribumi Siam untuk menikmati kemudahan yang disediakan untuk kaum bumiputera yang lain melalui surat pekeliling rasmi Kerajaan.

47. PN-1522-L09699  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi mempertahankan industri songket yang kini berhadapan dengan masalah persaingan akibat kemasukan kain songket buatan mesin dari India dan Pakistan.
48. PN-1522-L09765  
**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mendidik masyarakat melalui filem atau drama ke arah membentuk masyarakat yang mempunyai budaya saling menghormati lebih-lebih lagi dalam mendoktrinkan pemikiran rakyat supaya menghormati dan menjaga kedua ibu bapa.
49. PN-1522-L09475  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status semasa penambahan dan pembinaan balai bomba pelbagai kategori di kawasan luar bandar Sarawak memandangkan Sarawak memerlukan 21 balai bomba yang baharu untuk memenuhi keperluan semasa.
50. PN-1522-L09308  
**Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah komitmen Kerajaan dalam menyelesaikan isu dasar satu peratus (1%) Orang Kurang Upaya (OKU) dalam sektor awam sehingga April 2023 yang tidak tercapai dan apakah usaha Kerajaan dalam melibatkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi menyelesaikan isu pekerja berkualiti bagi golongan OKU.
51. PN-1522-L09381  
**Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk program yang telah dirangka di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di negeri Perlis bersempena Tahun Melawat Perlis pada 2024 kelak.
52. PN-1522-L09682  
**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapakah jumlah Loji Rawatan Air yang dibina di Kelantan selepas pelaksanaan migrasi air Kelantan di bawah pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sehingga sekarang.

53. PN-1522-L09653

**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah program yang sedang dirangka oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan kualiti penghayatan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan masalah sosial remaja pada masa kini.

54. PN-1522-L09293

**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini :-

(a) ibu tunggal bagi setiap negeri dan wilayah di Malaysia; dan

(b) jumlah ibu tunggal yang menerima bantuan daripada Kementerian.

55. PN-1522-L09364

**Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menangani kes-kes kesihatan mental dalam kalangan remaja dan belia yang dilihat semakin membimbangkan.

56. PN-1522-L09681

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian untuk membina minda yang produktif termasuk meningkatkan produktiviti pekerja supaya berpadanan dengan dengan kenaikan gaji minimum dan faedah yang diperuntukkan di dalam Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022.

57. PN-1522-L09546

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan penggubalan Akta Pendanaan Politik menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) tidak lama lagi.

58. PN-1522-L09557

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah jumlah terkini para doktor kontrak yang telah diserap ke jawatan tetap dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu doktor yang berkhidmat secara kontrak; dan

- (b) apakah syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi membolehkan mereka ditawarkan ke jawatan tetap.

59. PN-1522-L09808

**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian boleh menangani aduan-aduan dan isu-isu Lebuhraya Pan Borneo terhadap Jabatan Kerja Raya Sarawak dengan lebih cekap kerana pembinaan lebuhraya tersebut telah menyebabkan kebanyakan keadaan jalan sementara berlubang, jalan tanah yang licin, jalan dibanjiri, rumput di tepi jalan beberapa bulan tidak dipotong dan papan tanda yang mengelirukan telah menyebabkan kemalangan berlaku di kawasan Sarikei dan Bintangor.

60. PN-1522-L09264

**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tempoh secara purata yang diperlukan oleh seorang pengamal perubatan yang berhasrat untuk mendaftarkan premis klinik baru untuk diluluskan serta adakah wujudnya Indeks Prestasi Utama (KPI) Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Kementerian Kesihatan dan jika wujud apakah KPI tersebut.

61. PN-1522-L09171

**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Stesen Penyelidikan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Belaga yang terletak di Sungai Asap akan dibuka semula untuk kemudahan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit di daerah Belaga.

62. PN-1522-L09768

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkasa Tabika Perpaduan dari segi kualiti perkhidmatan dan jumlah bilangan.

63. PN-1522-L09339

**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah formula yang boleh diguna pakai secara berkesan bagi mendepani ketidaktentuan ekonomi dan untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan negara.

64. PN-1522-L09081

**Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah syarat-syarat utama untuk menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) bagi sesebuah perkampungan masyarakat Orang Asli.

65. PN-1522-L09023

**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mesej yang ingin disampaikan oleh Kerajaan kepada pengguna jalan raya dengan pemberian diskaun ke atas kompaun yang dikenakan dan apakah kesalahan-kesalahan yang dikompaun di bawah undang-undang lain yang menggunakan dasar yang sama.

66. PN-1522-L09562

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menentukan golongan rakyat yang layak mendapat subsidi elektrik berdasarkan kepenggunaan memandangkan penggunaanya yang sangat subjektif dan taraf kehidupan pengguna tidak boleh ditentukan dengan berpanduan kepada penggunaan elektrik bulanan mereka.

67. PN-1522-L09228

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu warga Malaysia yang telah ditipu dan diculik oleh sindiket penipuan pekerjaan terutamanya di rantau Asia Tenggara dan apakah tindakan pencegahan yang diambil oleh Kementerian dan Kedutaan-kedutaan Malaysia bagi membanteras kegiatan-kegiatan penipuan pekerjaan tersebut.

68. PN-1522-L09107

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menaik taraf rumah pangsa yang uzur di mana keadaan tidak lagi sesuai untuk didiami penduduk.

69. PN-1522-L09269

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan semula dan mengambil kira peranan yang dimainkan oleh Majlis Perubatan Malaysia dalam mempengaruhi akses dan standard pendaftaran doktor dengan mengambil kira statistik yang menunjukkan penurunan kualiti penjagaan kesihatan, lebih banyak aduan dan kos yang mendadak di samping kemungkinan unsur-unsur dasar perlindungan yang berkemungkinan bercanggah dengan kepentingan rakyat dan negara.

70. PN-1522-L09397

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah punca penglibatan nelayan tempatan yang masih rendah dalam industri tangkapan ikan tuna dan apakah strategi Kementerian yang terbaharu bagi meningkatkan bilangan vesel oleh nelayan tempatan seperti yang telah diperuntukkan oleh 'Indian Ocean Tuna Commission' (IOTC).

71. PN-1522-L09625

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme untuk menangani harga tiket penerbangan yang mahal dan jumlah penerbangan yang sedikit di Wilayah Persekutuan Labuan.

72. PN-1522-L09056

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah entiti penguatkuasa di bawah Kementerian memantau dengan serius perbuatan merokok di kawasan stadium ketika perlawanan bola sepak Liga Super berlangsung dan adakah Kementerian bersedia untuk bekerjasama dengan badan-badan pengurusan stadium bagi menguatkuasakan secara fizikal larangan merokok terhadap penonton.

73. PN-1522-L09143

**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang telah dipersiapkan oleh pengurusan pangkalan data di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi meningkatkan tahap keselamatan penyimpanan maklumat peribadi yang melibatkan warga kerja, pelajar, graduan serta pemohon baru rentatan daripada kes kebocoran hampir 12,000 maklumat peribadi pemohon Universiti Teknologi Mara (UiTM).

74. PN-1522-L09252

**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah proses kenaikan pangkat untuk jururawat di Kementerian Kesihatan mengambil masa 13 tahun untuk naik satu gred secara 'time based' dan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyingkatkan tempoh tersebut bagi menghargai pengorbanan wirawan dan wirawati negara.

75. PN-1522-L09734

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menambah litupan kawasan berhutan negara sehingga 60 peratus keluasan dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

76. PN-1522-L09580

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca kelewatan Kerajaan Persekutuan memberikan kelulusan kepada projek mega Kedah Aerotropolis dan adakah pihak Kementerian bercadang memberikan cadangan balas atas permohonan pihak Kerajaan Negeri tersebut supaya projek ini dapat direalisasikan.

77. PN-1522-L09444

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian dalam mewujudkan solusi akses internet utiliti asas di komuniti luar bandar dan kawasan pedalaman dan adakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mempertimbangkan kemudahan teknologi lain yang diterima secara global dan tidak hanya bergantung pada teknologi yang sedia ada seperti teknologi Very Small Aperture Terminal (VSAT) terhadap penyambungan luar bandar.

78. PN-1522-L09506  
**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pelaksanaan Kerja Ukur Tahun 2021 iaitu pengukuran tanah kawasan Orang Asli yang melibatkan 21 lokasi di Pahang, Kelantan, Selangor dan Perak dengan kos berjumlah RM5 juta dalam Bajet 2021.
79. PN-1522-L09674  
**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada tahap kemampanan kursus atau program yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menepati permintaan serta keperluan semasa pasaran buruh negara.
80. PN-1522-L09782  
**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneliti semula mekanisme pemberian peruntukan kepada sukan di negara dengan mengetengahkan sukan teras negara dan menggantikan sistem peruntukan berdasarkan prestasi persatuan sukan tersebut.
81. PN-1522-L09821  
**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dasar perpindahan ke arah tenaga boleh diperbaharui dan potensi Malaysia menjadi hub menjana ekonomi baharu di rantau ini.
82. PN-1522-L09511  
**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah mitigasi dan penguatkuasaan undang-undang yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk mengawal selia syarikat-syarikat kredit komuniti yang menggunakan lesen kredit komuniti untuk menyakinkan pengguna tetapi menawarkan pinjaman secara dalam talian pada kadar faedah yang jauh lebih tinggi.
83. PN-1522-L09815  
**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah syarat pinjaman dikategorikan sebagai bukan cagaran kepada pinjaman MyRinggit Insan-i, manakala menurut Seksyen 51(1) Akta KWSP, caruman dan deposit tidak boleh diserahkan hak atau ditahan.

84. PN-1522-L09788  
**Datuk Paul Igai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini kes tuntutan wilayah Sabah oleh waris Sultan Sulu.
85. PN-1522-L09243  
**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini program Agropreneur Muda. Berapakah bilangan mereka yang telah mengambil bahagian dalam program tersebut dan apakah kejayaan yang mereka capai sehingga kini.
86. PN-1522-L09459  
**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian melakukan audit terhadap silibus-silibus yang diajar di Sekolah Rendah supaya silibus yang diajar sesuai dengan keadaan semasa yang memberi fokus kepada penggunaan teknologi maklumat yang terkini.
87. PN-1522-L09763  
**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-
- (a) apakah syarat-syarat yang diperlukan bagi memohon permit khas untuk membeli petrol atau diesel yang melebihi 20 liter dan bidang perniagaan apakah yang layak memohon; dan
  - (b) berapakah yuran diperlukan bagi proses pemohonan serta berapakah permit khas yang masih sah di kawasan Parlimen Sarikei setakat ini.
88. PN-1522-L09314  
**Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan rebat bagi produk internet kepada golongan sasaran Orang Kurang Upaya (OKU) berkategori B40 dan M40.
89. PN-1522-L09794  
**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa ramai graduan yang telah mendapat pekerjaan melalui portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREAT) dan sejauh mana keberkesanan portal ini dalam memberi peluang pekerjaan dan latihan kepada para graduan.

90. PN-1522-L09539  
**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian dalam mengawal bahan-bahan dalam media sosial supaya lebih mesra kanak-kanak.
91. PN-1522-L09029  
**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan imbuhan yang lebih menarik seperti meningkatkan kadar belian balik tenaga yang dijana melalui kuasa solar agar tempoh pulangan hasil daripada pelaburan (ROI) dalam panel solar lebih pendek sebagai usaha untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan kuasa solar apabila subsidi tenaga elektrik ditarik balik.
92. PN-1522-L09481  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan :-
- (a) apakah status perbincangan dengan pengendali rangkaian mudah alih (MNO) mengenai isu berkaitan menara telekomunikasi tiada piring satelit atau 'naked tower' di Sarawak dan mengapa perkara ini berlaku sedangkan pihak telekomunikasi perlu menjelaskan permasalahan perkara berbangkit; dan
  - (b) bilakah jadual dan tarikh pemasangan piring satelit ini akan dilakukan supaya perkhidmatan capaian jaringan komunikasi internet di Sarawak tidak terjejas.
93. PN-1522-L09011  
**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang sedang beroperasi di seluruh negara tetapi masih belum menerima pensijilan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) gagal untuk mendapatkan pensijilan tersebut.
94. PN-1522-L09236  
**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi mengatasi masalah eksploitasi seksual kanak-kanak di alam maya disebabkan oleh lambakan pelbagai aplikasi tidak bermoral di atas talian yang berpotensi merosakkan akhlak kanak-kanak ini pada masa hadapan yang berisiko membawa kepada gejala seks bebas dan masalah sosial yang lain.

95. PN-1522-L09205

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah program dan inisiatif Kementerian bagi menyediakan latihan serta peluang kepada masyarakat yang terlibat dalam sektor ekonomi digital bagi memacu pertumbuhan ekonomi digital di luar bandar.

96. PN-1522-L09045

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah tuntas Kerajaan dalam menangani inflasi serta tekanan kadar faedah pinjaman rakyat terutama bagi golongan B40 dan M40 akibat kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR). Sejauh manakah Kementerian yakin kenaikan OPR akan dapat mengawal kenaikan harga barang.

97. PN-1522-L09104

**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah holistik yang akan dirangka oleh Kementerian terhadap penjagaan kesihatan rakyat atau orang awam berikutan cuaca panas ekstrem dan fenomena El Nino serantau yang mungkin melanda negara kita.

98. PN-1522-L09778

**Datuk Paul Igai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah prestasi operasi PETRONAS dan syarikatnya di luar negara; dan
- (b) berapakah operasi syarikat dan asetnya di luar yang telah dan akan ditamatkan atau dijual serta apa sebabnya.

99. PN-1522-L09299

**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat mekanisme imbuhan terbaru yang dicadangkan Kerajaan kepada pembeli rumah pertama susulan pemansuhan Skim Rumah Pertamaku (SRP) yang bermula sejak 1 April 2023.

100. PN-1522-L09641

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah sebab-sebab utama syarikat tempatan tidak menyertai Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) setelah kaji selidik Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) menunjukkan bahawa 77% daripada pengeluar Malaysia masih belum menggunakan perjanjian RCEP dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

101. PN-1522-L09384  
**Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah kerancangan pemulihan sektor pelancongan, seni dan budaya menerima kunjungan pelancong asing sejak peralihan fasa endemik COVID-19.
102. PN-1522-L09362  
**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengapakah prestasi dan kecemerlangan sukan di negara ini semakin merosot dan apakah langkah-langkah untuk memperbaikinya.
103. PN-1522-L09719  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan kejadian banjir puing di Baling dan tanah runtuh di Batang Kali daripada berulang.
104. PN-1522-L09809  
**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kajian serta penyelidikan bagi pelaksanaan pilihan raya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan bila jangkaan dilaksanakan.
105. PN-1522-L09727  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah perkembangan status pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di negeri Terengganu; dan
  - (b) statistik bilangan rakyat di negeri Terengganu yang mendapat manfaat dari segi kepakaran dan peluang pekerjaan daripada projek ini sehingga sekarang.
106. PN-1522-L09354  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah 71 syarat yang ditetapkan bagi meneruskan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSI) dan sejauh manakah syarat-syarat itu dipatuhi serta apakah impak alam sekitar yang bakal ditanggung oleh rakyat terutamanya golongan nelayan di sekitar kawasan projek tersebut.

107. PN-1522-L09184

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan infrastuktur dan kualiti perkhidmatan kesihatan dari segi layanan di daerah terpencil dan pedalaman Malaysia.

108. PN-1522-L09335

**Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah atau program-program Kementerian yang mampu membendung masalah utama belia seperti pornografi dan judi dalam talian terutamanya bagi belia di luar bandar.

109. PN-1522-L09386

**Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah Kementerian dalam merangka pelan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) bagi membangunkan teknologi hijau ke arah penggunaan air hujan sebagai pengganti air paip yang boleh dilaksanakan di bangunan hijau.

110. PN-1522-L09556

**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ke atas kontraktor pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) yang gagal menyiapkan 6 buah kapal seperti mana yang dimuktamadkan dalam kontrak asal.

111. PN-1522-L09276

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan dan statistik Pegawai-pegawai Sains dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang telah dianugerahkan pengiktirafan sebagai Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert) dari tahun 2016 hingga 2022.

112. PN-1522-L09597

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk meningkatkan taraf Universiti Awam ke persada antarabangsa.

113. PN-1522-L09800

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan perancangan jangka masa panjang Kerajaan dalam mengurangkan beban tugas kepada petugas kesihatan setelah projek rintis inisiatif mengurangkan kesesakan hospital dilaksanakan.

114. PN-1522-L09770

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hala tuju serta masa depan W.P Labuan pada ketika ini kerana ia semakin tidak jelas diterjemahkan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa mahu pun sebagai destinasi pelancongan. Apakah rancangan-rancangan yang telah diatur oleh Perbadanan Labuan terhadap kedua-dua aspek ini.

115. PN-1522-L09413

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah penjelasan berkenaan dengan cadangan yang akan membenarkan penggunaan marijuana untuk tujuan perubatan 'medical use' dan apakah kesan kebenaran ini terhadap penagih dadah dan implikasi kepada penagih yang telah dijatuhkan hukuman.

116. PN-1522-L09662

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bentuk bantuan atau inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi membela nasib artis dalam pelbagai bidang yang melalui situasi kritikal pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terkini kerana kehilangan sumber pendapatan memandangkan mata pencarian mereka hanya bergantung kepada kerja sambilan.

117. PN-1522-L09465

**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah simpanan vaksin COVID-19 yang masih ada dalam inventori Kerajaan dan bilakah tarikh luput vaksin ini.

118. PN-1522-L09120

**Datuk Lim Pay Hen** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia untuk meneliti semula persempadanan setiap kawasan pilihan raya bagi memastikan bilangan pengundi adalah seimbang dan adil serta mengelakkan isu persempadanan yang tidak sekata dan manipulasi persempadanan daripada terus berlaku.

119. PN-1522-L09405

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah rasional ketidakstabilan politik sebagai punca prestasi kurang cemerlang Malaysia dalam temasya Sukan SEA 2023 di Kemboja sedangkan tahun 2022 merupakan antara tahun cemerlang bagi sukan negara dan adakah Kementerian bersetuju peruntukan bagi Program Podium di bawah Majlis Sukan Negara (MSN) yang dirombak semasa 2018 telah menyumbang kepada kelemahan ini.

120. PN-1522-L09590

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan larangan merokok di premis makanan yang telah dilaksanakan dan nyatakan statistik kes yang direkodkan mengenai individu merokok dari premis berkenaan serta tindakan yang telah diambil.

121. PN-1522-L09074

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini terdapat pelaksanaan Cukai Barangan Mewah yang bakal dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan serta apakah kekangan utama yang perlu diperhalusi oleh pihak Kerajaan sebelum menguatkuasakan cukai terbabit.

122. PN-1522-L09530

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam meningkatkan penyertaan koperasi berkaitan dengan sektor agromakanan bagi membantu negara menghadapi krisis bekalan makanan.

123. PN-1522-L09320

**Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan menyediakan geran pemula bagi usahawan muda dalam golongan sasaran Orang Kurang Upaya (OKU) untuk memulakan perniagaan dalam sektor pertanian dan makanan.

124. PN-1522-L09062

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatan daripada analisa kos dan manfaat (cost-benefit analysis) bagi melaksanakan pembangunan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan bagaimanakah pembangunan semula tersebut berupaya menjana pulangan semula ekonomi kepada sektor penerbangan negara selain meyakong pertumbuhan industri logistik tempatan.

125. PN-1522-L09336

**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang dinaikkan kepada 3.0 peratus seperti diumumkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia (BNM) pada awal Mei 2023 lalu yang dilihat tidak sensitif dan tidak mengambil kira keadaan ekonomi majoriti rakyat.

126. PN-1522-L09305

**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi meningkatkan literasi digital oleh golongan warga emas dan remaja bagi memastikan golongan ini tidak mudah diperdaya, dipengaruhi berita palsu dan tidak melakukan hantaran berbau kebencian yang boleh mewujudkan ketidakharmonian dalam era digitalisasi ini.

127. PN-1522-L09500

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan ekonomi jangka pendek untuk menamatkan kemiskinan Masyarakat Orang Asli seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri.

128. PN-1522-L09161

**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian sudah mempunyai kaedah untuk memilih ahli sukan negara yang meliputi semua kaum dan kawasan di Malaysia supaya ahli sukan negara tidak hanya kelihatan dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja.

129. PN-1522-L09140

**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini penularan batuk kokol di negeri Sabah dan apakah pelan persediaan yang telah dipersiapkan menerusi dukungan bersama sektor kesihatan swasta di negeri tersebut dalam menyediakan perkhidmatan rawatan kecemasan dan lanjutan bagi pesakit yang dijangkiti dengan penyakit tersebut.

130. PN-1522-L09180

**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah masalah kekurangan guru sekolah Kerajaan yang berlaku di Sarawak telah diatasi setakat Mac 2023 dan apakah perincian penempatan guru-guru yang telah ditempatkan untuk mengisi kekosongan tersebut.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

### 1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“**Menyedari** bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Audit merupakan *oversight* agensi kepada Parlimen yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap keekonomian dan mengelakkan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta 62].

**Menyedari** akan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam LKAN dilaksanakan dengan berkesan.

**Menyedari** bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Negara pada Selasa, 21 Mac 2023 terdiri daripada.

- i. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan;
- ii. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
- iii. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

**Memahami** bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan dan agensi yang diaudit.

**Memperakui** bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil pengajaran (*lessons learnt*) supaya tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek akan datang.

**Bahawa** dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui dan seterusnya mengelakkan ketirisan wang awam daripada terus berlaku.”

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**